

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM**  
**DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA**  
**PERMOHONAN JENAYAH NO. : BA-44-323-11/2018**

**ANTARA**

**GAN AH SOM**

**...PEMOHON**

**DAN**

- 1. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI MALAYSIA**
- 2. PEGUASA KANAN PUSAT PEMULIHAN AKHLAK (PPA), BATU GAJAH PERAK.**
- 3. KETUA POLIS NEGARA, MALAYSIA**

**...RESPONDEN-RESPONDEN**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Pemohon disini ditahan di PPA Batu Gajah, Perak di atas suatu Perintah Tahanan selama 2 tahun yang dikeluarkan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri bermula pada 15.8.2018 dibawah Seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas), 1985 (Akta).

Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa di dalam sesuatu permohonan Habeas Corpus, ia hanya boleh dicabar seandainya dapat ditunjukkan bahawa terdapat “ketidakpatuhan prosedur” dan bukannya di atas alasan yang lain. Mahkamah hanya boleh meneliti sama ada terdapatnya ketidakpatuhan terhadap prosedur. Ini jelas dihuraikan di dalam keputusan kes Mahkamah Persekutuan, **Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors. [2005] 3 CLJ 914.**

Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap juga bahawa di dalam kes dimana seseorang ditahan tanpa perbicaraan (detention without trial), adalah mencukupi bagi seseorang pemohon itu untuk mendeposkan bahawa tahanan terhadapnya itu adalah tidak sah dan beban pembuktian terletak di atas bahu pihak Responden untuk membuktikan bahawa tahanan tersebut adalah sah dan tahanan tersebut telah mematuhi prosedur mandatori. Adalah prinsip Undang-Undang yang mantap juga bahawa, sekiranya wujud lebih daripada satu versi atau inferens, maka versi atau inferens yang memihak kepada pihak pemohon/tahanan hendaklah diterima oleh pihak Mahkamah.

(Lihat kes **S.K Tangakaliswaran v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors. [2009] 6 CLJ 705)**)

Isu ketidakpatuhan prosedur adalah merupakan satu-satunya isu yang boleh dicabar di dalam sesuatu permohonan Habeas Corpus dan Habeas Corpus mesti difokuskan kepada Perintah Tahanan Semasa.

Apa-apa ketidakaturan (irregularity) yang berlaku semasa proses penangkapan (termasuk proses siasatan), ia tidak boleh mengakibatkan Perintah Tahanan yang telah dikeluarkan oleh Menteri itu menjadi tidak

sah. Oleh itu, permohonan Habeas Corpus yang difailkan hendaklah membuat pertikaian terhadap Perintah Tahanan sahaja dan bukan perkara sebelumnya.

Melalui Permohonan di Notis Usul bertarikh 9.11.2018 dikandungan (2), Pemohon memohon relif-relif berikut :

1. Satu Writ Habeas Corpus dikeluarkan kerana terdapat pelanggaran di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan tersebut dan ketidakpatuhan di dalam penggunaan Undang-Undang dan Kaedah berkaitan dengan Akta Dadah Berbahaya ( Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.
2. Pemohon dibebaskan dengan segera.

Pihak Pemohon telah memfailkan 4 affidavit, termasuk affidavit sokongan. Manakala pihak Responden telah memfailkan sebanyak 14 affidavit.

Melalui Penghujahan Bertulisnya, Pihak Peguambela Pemohon telah membangkitkan isu-isu berikut bagi menyokong permohonannya :

- i) Pendengaran representasi Pemohon tidak pernah dijalankan.
  - a) Hak Pemohon untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat di bawah Seksyen 9(1) Akta tersebut telah dinafikan, walaupun tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan representasi Pemohon masih belum tamat lagi.

- b) Hak Pemohon untuk menjalankan pendengaran representasi dengan kehadiran peguambela yang dilantik oleh Pemohon telah dinafikan.
- c) Syor yang dikatakan dikemukakan kepada Yang Di-Pertuan Agong oleh Lembaga Penasihat di bawah Seksyen 10(1) Akta tersebut adalah tidak tepat dan sempurna.

Saya telah meneliti terhadap isu-isu yang dibangkitkan itu, meneliti kepada Penghujahan yang dikemukakan oleh setiap pihak, meneliti kepada ekshibit-ekshibit yang dikepilkan bersama dengan affidavit-affidavit, dengan ini memutuskan seperti berikut :

Kesemua isu yang dibangkitkan oleh pihak Pemohon itu jelas penuh bermerit. Ia diterima sepenuhnya.

## **ULASAN MAHKAMAH**

Ketiga-tiga isu yang dibangkitkan oleh pihak Pemohon digabungkan sekali dan diberikan ulasan sewajarnya.

Pihak Pemohon menghujahkan berlaku ketidakpatuhan prosedur apabila persidangan representasi Lembaga Penasihat dijalankan pada 25.10.2018, walaupun Peguam Pemohon telah memohon penangguhan kerana Peguam mereka tidak dapat hadir pada tarikh tersebut. Pemohon menghujahkan situasi ini telah membangkitkan isu berikut :

- i) Pendengaran representasi Pemohon tidak pernah dijalankan.
- ii) Hak Pemohon untuk membuat representasi telah dinafikan, walaupun tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan representasi masih belum tamat; dan
- iii) Hak Pemohon untuk menjalankan pendengaran representasi dengan kehadiran peguambela yang dilantik Pemohon telah dinafikan.

Di pihak Responden pula, mereka menghujahkan bahawa persidangan representasi Lembaga Penasihat pada 25.10.2018 tersebut telah dijalankan dengan sah dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Pemohon adalah tidak bermerit.

Melalui Penghujahan mereka dimukasurat 2,3,4,5,6,7 diulangi isi kandungan affidavit sokongan mereka khususnya diperenggan 35-42 akan kronologi kes. Dinyatakan tentang apa yang terjadi sewaktu persidangan Lembaga Penasihat bertarikh 25.10.2018. Di perenggan 36 affidavit, Pemohon mengikrarkan :

*“ 36. Saya dengan sesungguhnya menyatakan bahawa tarikh Perintah Tahanan saya adalah 15.8.2018 dan tarikh tiga (3) bulan dari tarikh Perintah Tahanan saya adalah 15.11.2018. Oleh itu, saya percaya bahawa tarikh akhir tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan representasi saya adalah beberapa hari selepas 15.11.2018 dan saya memang berhak untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat sebelum tarikh akhir tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan representasi saya tersebut. Namun, walaupun Lembaga Penasihat akan mengadakan Pendengaran*



*Representasi di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Perak sebelum tempoh tamat tiga (3) bulan tersebut iaitu 13.11.2018,14.11.2018 dan 15.11.2018, namun permohonan untuk menangguhkan Pendengaran Representasi saya ke 13.11.2018,14.11.2018 atau 15.11.2018 adalah ditolak atas alasan-alasan berikut :-*

- i) 25.10.2018 merupakan kali kelima kes saya ditangguhkan ; dan*
- ii) Peguambela, Encik Jay Moy telah bersetuju untuk menetapkan Pendengaran Representasi kes saya pada 25.10.2018.”*

Seterusnya diujahkan bahawa Pemohon sewajarnya mempunyai hak untuk membuat representasi kepada Lembaga Penasihat di bawah Seksyen 9(1) Akta tersebut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan representasi Pemohon, namun hak Pemohon untuk membuat representasi dalam tempoh tiga bulan tersebut telah dinafikan.

Dinyatakan seterusnya meskipun tarikh-tarikh selanjutnya Lembaga Penasihat akan mengadakan pendengaran representasi di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah adalah 13.11.2018,14.11.2018 dan 15.11.2018 di mana ketiga-tiga tarikh tersebut masih dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan representasi Pemohon, namun permohonan Pemohon untuk menangguhkan pendengaran representasi beliau ke salah satu tarikh tersebut telah ditolak tanpa alasan yang munasabah.

Pernyataan Pemohon ini juga telah disokong oleh Afidavit Jawapan Encik Moy Wei Jiun- Jay dimana Encik Moy Wei Jiun-Jay telah jelas menyatakan bahawa beliau telah memberitahu Pengerusi Lembaga Penasihat pada 9.10.2018 bahawa tarikh 25.10.2018 yang ditetapkan

sebagai pendengaran representasi bagi kes Pemohon adalah tidak sesuai bagi peguambela yang dilantik oleh Pemohon, namun beliau diarahkan oleh Pengerusi Lembaga Penasihat untuk membuat permohonan untuk menangguhkan pendengaran representasi yang telah ditetapkan pada 25.10.2018 apabila peguambela hadir di Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah pada 25.10.2018. Ini menunjukkan bahawa alasan untuk penangguhan bukanlah timbul secara tiba-tiba, sebaliknya ia telah diambil maklum oleh Pengerusi Lembaga Penasihat pada 2.10.2018 dan 9.10.2018 lagi.

Meneliti serta menimbangkan kepada isu yang dibangkitkan oleh pihak Pemohon disini, saya memutuskan yang isu yang dibangkitkan itu jelas penuh bermerit. Ia diterima.

Artikel 151(1)(a) Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa pemohon hendaklah diberikan peluang untuk membuat representasi terhadap Perintah Tahanan tersebut. Berhubung dengan prinsip tersebut, adalah wajar Pemohon diberikan hak untuk mengetahui apakah yang sebenarnya berlaku sewaktu prosiding di hadapan Lembaga Penasihat. Pemohon berhak untuk mengetahui apakah fakta yang dibentangkan terhadapnya. Dia wajar diberikan hak untuk hadir disepanjang prosiding berlangsung kerana segalanya adalah melibatkan diri serta kebebasannya. Perkara-perkara mengenai penglibatan Pemohon dalam apa jua perkara yang dibangkitkan tidak wajar dirahsiakan dari Pemohon. Pemohon berhak untuk membela dirinya. Dia berhak untuk diwakili oleh Peguam pilihannya sendiri sepertimana yang dijamin dibawah Perlembagaan. Dia berhak diberikan "fair hearing". Meneliti kepada rentetan peristiwa yang menyatakan Encik Moy Wei Jiun-Jay ada

memaklumkan kepada Pengerusi Lembaga Penasihat pada 9.10.2018 bahawa tarikh persidangan yang ditetapkan pada 25.10.2018 tidak sesuai bagi Peguam yang dilantik sendiri oleh Pemohon, ini jelas menunjukkan bahawa alasan untuk penangguhan bukanlah timbul secara tiba-tiba. Ia telah dimaklumkan oleh pihak Peguam (menyebut) kepada Pengerusi Lembaga Penasihat sendiri pada 2.10.2018 dan 9.10.2018. Alasan penangguhan yang dikemukakan itu sudah sangat wajar iaitu ditarikh 25.10.2018 tersebut, Peguambela Lantikan Pemohon masih berada diluar Negara. Sewajarnya budibicara yang seadilnya harus dilaksanakan. Penangguhan yang dipohon cuma beberapa hari sahaja dari 25.10.2018. Seandainya penangguhan diberikan dan Persidangan dijalankan pada tarikh 13-15 November, 2018, ia masih di dalam tempoh 3 bulan lagi. Ia masih belum tamat. Sesungguhnya, dengan menolak permohonan penangguhan pihak Pemohon, ia telah memprejudiskan hak Pemohon secara asasnya.

Sememangnya tidak dinafikan yang Kaedah 10 Kaedah-Kaedah memberikan hak kepada pihak Lembaga Penasihat untuk menentukan tatacara di dalam pengendalian representasi Pemohon. Namun wajarkah tatacara yang diwujudkan itu menafikan hak asasi Pemohon untuk didengar dan untuk mendapatkan 'fair hearing'?. Hak-hak tersebut dijamin oleh Perlembagaan. Lantas ia jelas bertentangan dengan prinsip 'Natural Justice'.

Hak Pemohon untuk mendapatkan suatu pendengaran representasi yang sempurna dan hak Pemohon diwakili oleh Peguambela hendaklah diberikan dimana Pemohon dan Peguambela berhak untuk mengetahui:



- i. Apakah kes yang telah dibuat terhadap Pemohon.
- ii. Apakah keterangan yang telah dibentangkan terhadap Pemohon.
- iii. Dan jika fakta tidak tepat, Pemohon diberikan peluang untuk membetulkan atau mematahkan apa-apa keterangan atau fakta yang telah diberikan kepadanya.

Lagipun hak tersebut dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan ( Artikel 5(3) dan 151(1) (a) ).

Pengerusi Lembaga Penasihat yang mengendalikan prosiding terhadap Pemohon tidak wajar mendengar keterangan atau fakta daripada sebelah pihak sahaja. Hak kepada suatu pendengaran yang adil dan telus adalah sentiasa dilindungi. Ia perlu diberikan. Ia tidak wajar dinafikan. Hak tersebut adalah selaras dengan prinsip keadilan sejagat atau asasi. ( Right to natural justice).

Sungguhpun Lembaga Penasihat mempunyai kuasa untuk menentukan tatacara dan pengendalian prosiding pendengaran representasi Pemohon, kuasa Lembaga Penasihat itu tidak boleh bercanggah dengan undang-undang sehingga ia melanggar hak Pemohon untuk hadir semasa pendengaran representasinya dan hak Pemohon diwakili oleh Peguambelanya.

Ini kerana apa jua keterangan atau penelitian fakta sewaktu sesi representasi dihadapan Lembaga Penasihat, juga merupakan sebahagian daripada fakta yang digunakan oleh pihak Lembaga Penasihat sewaktu membuat syor kepada Yang Di Pertuan Agong.

Oleh itu, Afidavit Jawapan Encik Ahmad Lazimi dan Afidavit Balasan Encik Ahmad Lazimi telah menyatakan sedemikian :-

Perenggan 22 Afidavit Jawapan Encik Lazimi :

*[22] Saya menyatakan bahawa setelah menimbang representasi yang dibuat oleh Pemohon pada 25.10.2018, Lembaga Penasihat telah menghantar syor-syor tersebut kepada Yang di-Pertuan Agong menurut Seksyen 10(1) Akta tersebut pada 30.10.2018..."*

Perenggan 6 Afidavit Balasan Encik Ahmad Lazimi

*[6] ...Saya sesungguhnya menegaskan bahawa Lembaga Penasihat telah mengambil kira kesemua keterangan dan syor yang dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong telah dibuat dalam tempoh masa yang dibenarkan menurut peruntukkan Akta tersebut dan Kaedah-Kaedah tersebut" **jelas amat meragukan.***

Pihak Pemohon menghujahkan bahawa memandangkan beliau tidak pernah memberi sebarang keterangan pada 25.10.2018 dan saksi-saksi termasuk Pegawai Penyiasat fail juga tidak hadir pada 25.10.2018, bagaimanakah Encik Ahmad Lazimi, selaku Setiausaha Lembaga Penasihat boleh menyatakan bahawa Lembaga Penasihat telah menimbang representasi yang dibuat oleh Pemohon dan Lembaga Penasihat telah mengambil kira kesemua keterangan?

"Keterangan" yang dimaksudkan oleh Encik Ahmad Lazimi juga tidak jelas. Adakah "keterangan" yang dimaksudkan itu keterangan yang diberikan oleh Pemohon pada 25.10.2018 ataupun keterangan sulit saksi-

saksi melalui penelitian fail kes Pemohon dan laporan siasatan Pemohon yang tertera dalam fail kes Pemohon.

Jika “keterangan” yang dimaksudkan oleh beliau adalah keterangan sulit saksi-saksi melalui penelitian fail kes Pemohon dan laporan siasatan Pemohon yang tertera dalam fail kes Pemohon memandangkan Pemohon tidak pernah membuat sebarang representasi pada 25.10.2018, jelaslah suatu pelanggaran prosedur telah berlaku dimana Lembaga Penasihat mengemukakan syor kepada Yang di-Pertuan Agong tanpa keterangan dari Pemohon didengari.

Di dalam aspek yang lain, tindakan Pengerusi Lembaga Penasihat menolak permohonan Pemohon untuk merujuk kes Pemohon kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah Artikel 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 10(1) Akta tersebut supaya tempoh rayuan bagi kes Pemohon boleh dipanjangkan telah tidak menepati undang-undang. Ia telah memprejudiskan hak Pemohon, lantas mencabul hak Pemohon yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Penolakan permohonan Pemohon untuk merujuk kes Pemohon kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah Artikel 151(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 10(1) Akta tersebut supaya tempoh rayuan bagi kes Pemohon boleh dipanjangkan, tidak wajar dilakukan oleh Pengerusi Lembaga Penasihat sendiri. Permohonan tersebut seharusnya disembah kepada Yang di-Pertuan Agong dahulu untuk keputusan. Keputusan tersebut hanya boleh dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong sahaja.

Berpandukan kes *Rajoo s/o Ramasamy vs Inspector –General of Police & Ors [1990] 2 MLJ 87*, Mahkamah Agong telah memutuskan

bahawa jika perlanjutan masa diberi, ia hendaklah diberi sebelum tamatnya masa tiga (3) bulan. Berbalik kepada kes ini, apabila permohonan tersebut dibuat pada 25.10.2018, ia adalah lebih kurang dua puluh (20) hari sebelum tempoh tiga bulan tersebut tamat. Ini membuktikan bahawa permohonan Pemohon tersebut memang sah dan dibuat di dalam tempoh masa yang dibenarkan. Permohonan itu sepatutnya disembah kepada Yang di-Pertuan Agong dahulu untuk pertimbangan dan arahan seterusnya (sama ada permohonan Pemohon dibenar atau ditolak) kerana sebarang keputusan dari Yang di-Pertuan Agong masih sempat dibuat sebelum tempoh tiga bulan tersebut tamat.

Memandangkan prosiding yang dijalankan oleh Lembaga Penasihat ini telah tidak dijalankan dengan sempurna, maka apa jua syor yang telah dibuat oleh Pengerusi Lembaga Penasihat kepada Yang Di Pertuan Agong turut menjadi tidak sempurna dan cacat.

Tindakan Lembaga Penasihat yang tidak mendengar daripada Pemohon dan seterusnya mengemukakan syor kepada Yang di-Pertuan Agong telah jelas melanggar Kaedah-Kaedah 5(3) dan 5(4) Peraturan/Tatacara Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1977 ( "Peratura tersebut") / Dangerous Drugs ( Special Preventive Measures) (Advisory Board Prosedure) Rules, 1987.

Diperturunkan peruntukan yang relevan tersebut :-

*“ 5. Hearing of representations*

*(3) The detained person or his representative, as the case may be, may address the Board orally to substantiate or amplify the grounds or reasons given in Form I.*

*(4) The Board may proceed to consider and determine:-*

*a) in the case of where the detained person or his representative being present, after hearing the address given if any.*

*b) in the case of where the detained person or his representative if not present, the written representation made in Form I only.*


Berdasarkan Kaedah-Kaedah 5(3) dan 5(4) Peraturan tersebut, ia jelas bahawa Lembaga Penasihat hanya boleh meneruskan untuk menimbang dan menentukan representasi tersebut selepas mendengar daripada Pemohon ataupun peguambela Pemohon yang ingin menyokong atau memperkuatkan alasan yang diberikan dalam Borang I sekiranya Pemohon ataupun peguambela Pemohon ingin membuat sedemikian. Perkara-perkara ini jelas telah tidak dilakukan.

Oleh itu, jelaslah bahawa pihak Responden bukan sahaja telah melanggar Kaedah 5 Kaedah tersebut, tetapi juga telah melanggar Seksyen 10(1) Akta tersebut. Pihak Responden jelas telah melanggar kehendak Prosedur.

Isu yang dibangkitkan oleh pihak Pemohon disini jelas bermerit dan diterima.

## **KESIMPULAN**

Meneliti kepada senario Permohonan ini secara keseluruhannya, saya memutuskan yang Pemohon ini telah berjaya membuktikan terdapatnya ketidakpatuhan prosedur di dalam tahanannya, berdasarkan kepada isu - isu yang dibangkitkan itu. Isu-isu yang dibangkitkan itu telah berjaya dibuktikan dengan sepenuhnya yang sememangnya wujud situasi yang serius yang telah mencacatkan prosedur tahanan. Isu tersebut jelas mengandungi merit. Oleh itu, diputuskan yang Permohonan oleh Pemohon di dalam Notis Usul di Permohonan BA-44-323-11/2018 diizinkan. Permohonan dikandungan (2) diizinkan.



**(YA DATO' ABD. HALIM BIN AMAN)**  
Hakim  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Shah Alam

**Bertarikh 11 Februari, 2019**